



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

| <b>SELASA, 7 JUN 2022</b> |  |
|---------------------------|--|
| <b>1.</b>                 | <b>Ayam:selesai dahulu isu subsidi pekerja</b>             |
|                           |  |
| <b>2.</b>                 | <b>Lelaki pelihara itik depan rumah ada masalah mental</b> |
|                           |  |
| <b>3.</b>                 | <b>Stok telur berkurang 60 peratus</b>                     |
|                           |  |
| <b>4.</b>                 | <b>Jangan hantar kucing ikat dalam guni</b>                |
|                           |  |

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## Ayam: Selesai dahulu isu subsidi, pekerja

**PETALING JAYA:** Isu pemberian subsidi dedak dan tenaga kerja yang membelenggu penternak perlu diselesaikan terlebih dahulu bagi memastikan bekalan ayam sentiasa berterusan.

Pengerusi Persatuan Penternak Manjung, Tan Wooi Peng berkata, kerajaan perlu memainkan peranan dengan membantu mengurangkan bebanan mereka seperti memberikan subsidi dedak ayam atau memastikan kos pembeliannya tidak mengalami peningkatan lagi.

"Saya tidak pasti di negeri lain berapa kuantiti mereka ternak tetapi kami tidak putus membela ayam dan tidak pernah tutup. Hanya ada rehat sehari dua kerana masalah ketiadaan pekerja.

"Jadi selain memberi subsidi dedak ayam bagi memastikan harga ayam itu tidak meningkat, pekerja-pekerja asing juga perlu cepat dibawa masuk kerana kini banyak reban tiada tenaga kerja," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memberi jaminan isu berkaitan bekalan ayam di negara ini akan selesai hasil beberapa pendekatan termasuk libat urus antara Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Khandee bersama pihak berkaitan di lapangan.

Ini susulan terdapat dakwaan sekumpulan kartel industri ternakan ayam didakwa merancang menutup ladang ternakan pada bulan lepas sebagai protes kepada kerajaan yang dikatakan lambat melakukan bayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen.

Ia turut dipercayai komplot syarikat-syarikat peladang menutup ladang mereka sehingga menjejaskan bekalan ayam mentah di pasaran adalah cubaan pertama kumpulan 'tangan hitam' itu menuntut harga suling dinaikkan kepada RM9.90 sekilogram.

| TARIKH     | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-------|---------|------------|
| 07.06.2022 | KOSMO | NEGARA  | 7          |



**ITIK yang diternak seorang lelaki di hadapan rumahnya di Permatang Badak di Kuantan.**

## Lelaki pelihara itik depan rumah ada masalah mental

**KUANTAN** – Polis telah menahan seorang lelaki yang sebelum ini tular mengenai tindakannya membela ayam dan itik di hadapan rumah selain memasang radio dengan kuat sehingga mengganggu ketenteraman awam di sebuah taman perumahan di Lorong Permatang Badak di sini.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Wan Mohd. Zahari Wan Busu berkata, suspek yang ditahan itu dipercayai

mengalami masalah mental dan telah dihantar ke hospital untuk pemeriksaan lanjut.

“Hasil siasatan awal mendapati suspek dipercayai mempunyai masalah mental,” katanya di sini semalam.

Selain menimbulkan rasa kurang selesa kepada komuniti setempat, lelaki berkenaan dikatakan turut mengancam jiran yang menegurnya dengan parang menyebabkan timbul ketakutan kepada orang ramai.

| TARIKH     | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-------|---------|------------|
| 07.06.2022 | KOSMO | NEGARA  | 16         |

## Bekalan di Pulau Pinang terhad, pembekal utamakan kegunaan harian

# Stok telur berkurang 60 peratus

Oleh NOOR HASLIZA NUSI


**GEORGE TOWN** – Pembekal telur ayam di negeri ini sekali lagi dihimpit kebimbangan apabila bekalan barangan keperluan itu didakwa berkurangan sehingga 60 peratus sejak dua minggu lalu.

Masalah yang berlaku menyebabkan ada dalam kalangan mereka terpaksa mengehendkan jumlah tempahan harian selain melakukan penghantaran secara berperingkat.

Pembekal juga dikatakan terpaksa mendahulukan tempahan untuk kegunaan harian terutama kepada peruncit di pasar awam dan pengusaha restoran.

Seorang pembekal yang mahu dikenali sebagai Zul, 42, berkata, kekurangan bekalan keperluan utama itu di peringkat pembekal adalah melibatkan telur ayam Gred A, B, C dan D.

Katanya, bekalan yang diperoleh setakat ini hanya mencukupi untuk kegunaan harian, manakala pendedaran kepada



BEKALAN telur ayam di Pulau Pinang didakwa berkurangan 60 peratus sejak dua minggu lalu. – GAMBAR HIASAN

pengusaha kek kini terpaksa dilakukan secara bergilir-gilir.

"Saya tidak dapat penuhi per-

mintaan sepenuhnya daripada pelanggan terutama peruncit di pasar dan pengusaha restoran

nasi kandar. Tempahan yang diminta tidak akan dihantar mengikut jumlah permintaan harian.

"Keadaan ini dipercayai berlaku di peringkat penternak atau peladang susulan isu kekurangan bekalan ayam standard di pasaran tempatan ketika ini," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, seorang peniaga runcit, Abdul Rahman Ahmad, 72, berkata, dia mengambil pendekatan dengan menjual hanya telur ayam bersaiz kecil pada harga RM3 bagi setiap 10 biji.

"Harga telur ayam kini naik turun di peringkat pembekal. Saya tiada pilihan terpaksa jual telur ayam bersaiz sangat kecil, tidak pasti gred sebenarnya," jelasnya.

Tinjauan *Kosmo!* di sebuah pasar mini di Bayan Lepas mendapati, bekalan telur ayam Gred A dan B mula dihantar pihak pembekal bermula kelmarin setelah lebih seminggu rak barangan itu ditinggalkan kosong.

Harga pasaran telur ayam ketika ini masih ditetapkan mengikut harga kawalan iaitu 43 sen bagi Gred A, 41 sen (Gred B) dan 39 sen (Gred C).

| TARIKH     | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-------|---------|------------|
| 07.06.2022 | KOSMO | NEGARA  | 17         |

## Pemilik Bustana Kucing saran haiwan itu sepatutnya diletak dalam kotak berlubang Jangan hantar kucing ikat dalam guni

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR

**KANGAR** - Tindakan segelintir masyarakat menghantar kucing ke tempat perlindungan dengan cara memasukkan haiwan itu ke dalam guni disifatkan sebagai kejam dan zalim.

Pemilik Bustana Kucing, Mohd. Taufik Md. Zain berkata, tindakan tersebut tidak berperikemanusiaan kerana dipraktikkan dengan cara yang salah walaupun berniat baik untuk menyelamatkan haiwan tersebut.

"Terdapat orang ramai yang cuba menyelamatkan atau menghantar kucing jalanan kepada kami dengan cara memasukkan ke dalam guni, tindakan tersebut tidak betul.

"Secara biologinya, kucing berpeluh melalui hidung, tindakan tersebut menyebabkan haiwan itu mengalami tekanan, panas, berpeluh dengan banyak, bergelumang dalam najis dan menjerus mendapat risiko penyakit serta kematian," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Bellau berkata demikian ketika

ditemui di Bustana Kucing yang terletak di dalam kawasan Taman Ular dan Reptilia Sungai Pahat.

Tambah Mohd. Taufik, lebih 50 ekor kucing mati terutamanya yang masih kecil akibat dibungkus dalam guni ketika dihantar ke pusat tersebut sejak 2015.

"Orang ramai boleh mencari kotak terpakai, ditebuk lubang pengudaraan sebelum meletakkan kucing terbiar tersebut di dalam kotak tersebut sebelum menghantar kepada kami.

"Orang ramai boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 kerana membawa dan menyimpan haiwan dengan tidak berperikemanusiaan sekiranya sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda RM20,000," jelasnya.

Bustana Kucing buat masa ini menempatkan kira-kira 2,000 ekor kucing jalanan atau terbuang dan ia dibuka untuk orang ramai memelihara haiwan tersebut menerusi program 'kucing angkat'.

Premis tersebut turut memiliki fasiliti perubatan yang digunakan untuk merawat kucing yang mem-



**BEBERAPA** ekor kucing jalanan yang dimasukkan ke dalam guni sebelum dihantar ke Bustana Kucing di Kangar. **Perlis baru-baru ini.**

punyai masalah kesihatan, ruang isolasi penyakit berjangkit, wad bersalin dan sebagainya.

Menurut Mohd. Taufik, kos operasi Bustana Kucing mencecah sehingga RM75,000 sebulan

meliputi kos gaji 25 pekerja sebanyak RM40,000, manakala selebihnya adalah kos operasi.